



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.10 (96 )  
Tarikh : 30 Mei 2025

## Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

### PERINGATAN KEPADA WARGA GURU BERHUBUNG PENGUKUHAN PROFESIONALISME GURU MELALUI ETIKA BERPAKAIAN DAN PENGUNAAN MEDIA SOSIAL

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menarik perhatian warga guru kepada keperluan untuk sentiasa mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tugas seharian sebagai penjawat awam dan guru. Dalam konteks ini, antara aspek penting yang perlu diberi penekanan adalah etika berpakaian dan penggunaan media sosial seperti yang diperincikan dalam pekeliling yang berikut:

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.3: Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam bertarikh 6 Januari 2025; dan
- 2.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11 Tahun 2023: Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 Oktober 2023.

3. Sehubungan dengan itu, warga guru adalah diingatkan supaya mematuhi perkara seperti yang berikut:

### 3.1 **Etika Berpakaian**

- i. Memakai pakaian yang sopan, kemas dan sesuai serta mencerminkan nilai moral, etika kerja dan integriti profesion keguruan; dan
- ii. Dilarang memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, terdedah dan jarang sehingga menampakkan bentuk badan serta pakaian dalam yang boleh mendorong perspektif negatif terhadap imej diri dan profesion keguruan.

### 3.2 **Penggunaan Media Sosial**

- i. Menggunakan media sosial secara profesional dengan penuh tanggungjawab dan beretika;
- ii. Dilarang memuat naik sebarang hantaran (posting), gambar atau video yang bersifat tidak sopan atau boleh menimbulkan perspektif negatif serta menjejaskan imej diri, institusi pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan KPM; dan
- iii. Dilarang menggunakan media sosial untuk menyebarkan kandungan bersifat provokatif, palsu, perkara-perkara sensitif berkaitan institusi diraja, agama dan kaum (3R), politik serta hal dalaman organisasi atau apa-apa kandungan yang boleh mencetuskan ketegangan.

4. Oleh itu, YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan diminta untuk mengingatkan setiap guru agar sentiasa memelihara integriti, menjaga tatasusila, tingkah laku serta penampilan diri sama ada di tempat kerja mahupun di ruang awam dan di media sosial agar nama baik profesion keguruan terus terpelihara, sekali gus memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap integriti serta kredibiliti institusi pendidikan.

5. Bersama-sama ini dilampirkan kedua-dua pekeiling yang berkaitan untuk perhatian dan sebagai rujukan YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

6. YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan terhadap perkara ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(ZAINAL BIN ABAS)**

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah  
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam  
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas  
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Swasta  
Kementerian Pendidikan Malaysia